| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1(a) (i) | **Pengertian *Sunnatullah* :**<br>Sistem atau peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk /[1m] dan tiada siapa yang boleh menghalang / mengubah ketetapan tersebut. /[1m]<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu :**<br>F1 Dapat mengenal pasti **sebab kejayaan** umat terdahulu.<br>F2 Dapat mengetahui **sebab kemusnahan** umat terdahulu.<br>F3 Dapat dijadikan **iktibar** dalam kehidupan.<br>F4 Dapat berpegang teguh pada **akidah** yang benar.<br>F5 Dapat membentuk **akhlak** mulia.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Dua pengajaran ayat di atas :**<br>F1 Kita hendaklah menyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia<br>H1 **bersesuaian** dengan peraturan / ketetapan-Nya.<br>F2 Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi<br>H2 **supaya** dapat mengetahui / menyelidiki s*unnatullah*.<br>F3 Kita hendaklah mengkaji / menyelidiki sejarah umat terdahulu<br>H3 **agar** menjadi pedoman dalam hidup.<br>F4 Kita hendaklah menyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran<br>H4 **bagi** orang yang beriman dan bertakwa.<br>F5 Kita hendaklah menjauhi sikap lemah / mudah berputus asa<br>H5 **ketika** menerima ujian dalam kehidupan.<br>F6 Kita hendaklah menjaga keimanan<br>H6 **agar** beroleh kedudukan tinggi disisi Allah SWT.<br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>**TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=4m** |
| 1(b) | **Dua pembahagian *ibtida'* :**<br>F1 *Ibtida' Hasan*<br>F2 *Ibtida' Qabih*<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| (i) | **Maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid:**<br>Seseorang yang hatinya sentiasa berasa **seronok memakmurkan** masjid /[1m] dengan aktiviti ibadat dan kebajikan. /[1m]<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain seseorang yang hatinya mencintai masjid:**<br>F1 Pemimpin yang **adil**.<br>F2 Pemuda yang hidupnya **taat beribadat** kepada Allah SWT.<br>F3 Dua orang yang **saling mengasihi kerana Allah SWT** / bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>F4 Seseorang yang **membenci** perbuatan maksiat **kerana Allah** SWT.<br>F5 Seseorang yang **menyembunyikan sedekahnya**.<br>F6 Seseorang yang **mengingati Allah** SWT sehingga **menitiskan air mata.**<br>**2F x 2m = 2m** | 2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>**Mak=4m** |
| (iii) | **Sejauhmanakah anda mempraktikkan sifat Saidina Umar dalam pentadbiran sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin masyarakat.** | **KBAT 4m**<br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi :

- Mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara.
- Merancang strategi pemerintahan dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.
- Mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
- Mengkaji / menyelidiki sumber alam untuk pembangunan dan kemajuan secara saksama.
- Mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2(a) (i) | **Maksud al-Jabbar :**<br><br>Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara **mutlak** /1m untuk melakukan segala kehendak-Nya /1m<br><br>CATATAN:<br>• Mesti ada SECARA MUTLAK.<br>• Allah Maha Berkuasa = X (tidak diterima)<br>**2F x 1m = 2m** | <br><br>1<br>1<br><br><br><br><br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Kefahaman mengenai nama Allah al-Jabbar :**<br>F1 Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam .<br>F2 Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatan-Nya.<br>F3 Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah SWT akan mencampakkan makhluk-Nya yang bersikap takbur dan bongkak ke dalam neraka Jahannam.<br>**1F x 2m = 2m** | <br>2<br>2<br>2<br><br>**Mak=2m** |
| 2(b) (i) | **Dua perkara tersebut :**<br>F1 Al-Quran<br>F2 Al-Sunah / Hadis .<br><br>CATATAN :<br>• Nama lain bagi al-Quran diterima.<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br><br><br><br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Cara menjauhi ajaran sesat :**<br><br>F1 Mempelajari akidah yang sebenar<br>H1 **berdasarkan** manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah.<br><br>F2 Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya<br>H2 **agar** diredai Allah SWT.<br><br>F3 Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunah<br>H3 **supaya** amalan diterima.<br><br>F4 Mencari / mengkaji maklumat daripada sumber yang sahih<br>H4 **supaya** tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.<br><br>F5 Berdoa memohon petunjuk<br>H5 **agar** sentiasa berada di jalan yang benar.<br><br>F6 Bertaubat kepada Allah SWT<br>H6 **atas** keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat.<br><br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>**TERANGKAN: 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | <br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br><br>**Mak=4m** |

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2(c) (i) | **Sejarah Khawarij:**<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali b Abu Talib yang berpaling tadah/[1m]<br>kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim /.[1m]<br><br>CATATAN :<br>• Frasa pertama mesti ada.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br><br><br><br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Perbezaan pandangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan Muktazilah berkaitan isu:**<br><br>(see table below)<br><br>**2F x 2m = 4m** | 2<br>2<br>**Mak=4m** |

| | Isu | ASWJ | Muktazilah |
|---|---|---|---|
| F1 | Melihat Allah SWT | Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhirat kelak. | Mengatakan bahawa adalah mustahil makhluk boleh melihat Allah SWT kerana Allah tidak menyerupai makhluk. |
| F2 | Pelaku Dosa Besar | Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat. | Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka. |

**2F x 2m = 4m** — **Mak=4m**

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| (iv) | **Pada pandangan anda mengapakah hal ini berlaku.** | KBAT 4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi :
- Kurang didikan / jahil / tiada penghayatan agama.
- Mempunyai iman yang lemah / tidak mantap.
- Mudah terpengaruh / pengaruh media massa / kawan yang rosak akidah.
- Tidak takut dengan azab Allah SWT.
- Terlalu taasub dengan kumpulan ajaran sesat.

CATATAN :
- Mana-mana isi yang munasabah diterima.

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3(a) (i)</td><td>Dua jenis akad jaminan dalam muamalat Islam :<br><br>F1 Kafalah<br>F2 Ar Rahnu<br>2F x 1m = 2m</td><td><br><br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Contoh hibah :<br><br>F1 Memberikan sebuah rumah kepada anak.<br>F2 Menghadiahkan tanah kepada isteri.<br><br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>1F x 2m = 2m</td><td><br><br>2<br>2<br><br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Encik Saiful merupakan seorang peniaga yang berjaya dan ingin membeli kereta untuk kegunaan peribadinya. Cadangkan bagaimana beliau dapat membeli kereta mengikut syarak.<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi :<br>• Membuat pinjaman perbankan Islam.<br>• Mengumpulkan wang keuntungan perniagaan dan membeli secara tunai.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3(b) (i)</td><td>Maksud anak angkat :<br>Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri /1m<br>tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak./1m<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Perbezaan hak antara anak angkat dengan anak kandung dalam Islam :
<table>
<tr><th></th><th>Anak angkat</th><th>Anak kandung</th></tr>
<tr><td>F1</td><td>Tiada hak pewarisan harta pusaka</td><td>Ada hak pewarisan harta pusaka</td></tr>
<tr><td>F2</td><td>Tiada hak wali</td><td>Ada hak wali</td></tr>
<tr><td>F3</td><td>Tiada hak nasab</td><td>Ada hak nasab</td></tr>
</table>
2F x 1m = 2m</td><td>2<br>2<br>2<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>3(c) (i)</td><td>Maksud diat dalam hukuman qisas :<br>Pampasan atau jumlah bayaran /1m berdasarkan persetujuan bersama atau ditetapkan oleh mahkamah. /1m<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Dua jenis pembunuhan dalam Islam :<br>F1 Pembunuhan dengan sengaja.<br>F2 Pembunuhan separa sengaja.<br>F3 Pembunuhan tanpa niat.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Infografik jenayah komersial di Malaysia.<br>Beri analisis dan pandangan anda berkaitan infografik di atas.
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja (tajuk infografik).</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi dan perbandingan data.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi, perbandingan data dan sebab / faktor isu.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Perbandingan data, sebab atau faktor / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan jawapan:<br>Infografik di atas menerangkan tentang jenayah komersial yang berlaku di Malaysia bagi tahun 2022 (ISI). Jumlah jenayah komersial di Malaysia ialah 30,536 kes di mana jenayah tipu menjadi jenayah tertinggi iaitu sebanyak 27,247 kes dan jenayah siber mencatat jumlah terendah iaitu sebanyak 577 kes (H). Kes jenayah komersial yang menggerunkan ini mungkin disebabkan oleh rasa tamak terhadap harta yang menguasai diri sehingga mendorong kepada penyalahgunaan kuasa (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mengukuhkan benteng keimanan dalam diri agar dapat menjalani hidup berpandukan syariat Ilahi (K).</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(a) (i) | **Sejarah ringkas kerajaan Umaiyah :**<br>F1 Asal penubuhan : Bersempena nama Umaiyyah b Abdul Syams.<br>F2 Pengasas : Muawiyah bin Abi Sufian.<br>F3 Keluasan kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.<br>F4 Tempoh memerintah : 41-132 Hijrah.<br>F5 Bilangan khalifah : 14 orang khalifah.<br>F6 Khalifah pertama : Muawiyah bin Abi Sufian.<br>F7 Khalifah terakhir : Marwan bin Muhammad.<br>F8 Pusat pemerintahan : **Damsyik**, Syria / Cordova.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyyah dari aspek politik :**<br>F1 Sistem lantikan khalifah secara monarki.<br>F2 Perebutan kuasa / persaingan dalam kalangan keluarga khalifah.<br>F3 Pemberontakan oleh puak Syiah / Khawarij / serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyyah.<br>**2F x 2m = 4m** | 2<br>2<br>2<br>**Mak=4m** |
| (iii) | **Dua ibrah yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Umaiyyah :**<br>F1 Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan kepimpinan<br>H1 **agar** syariat Islam dapat ditegakkan.<br><br>F2 Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam<br>H2 **seperti** zuhud / tegas / berilmu / bijaksana.<br><br>F3 Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat<br>H3 **agar** hidup harmoni.<br><br>F4 Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan<br>H4 **agar** mengeratkan kasih sayang.<br><br>F5 Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi<br>H5 **dalam** mempertahankan kedaulatan negara.<br><br>F6 Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan<br>H6 **agar** dapat memberi sumbangan kepada umat Islam.<br><br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br><br>**TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**Mak=4m** |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>4(b) (i)</td><td>Riwayat hidup Profesor Dr. Ahmad Ibrahim :<br>F1 Nama sebenar : Ahmad bin Muhammad Ibrahim.<br>F2 Tarikh Lahir : 15 Mei 1916<br>F3 Tarikh meninggal dunia :17 April 1999<br>F4 Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor<br>F5 Pekerjaan :<br>• Pensyarah Kuliyyah Undang-undang di UIAM<br>• Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br>F6 Ketinggian akhlak :<br>• Suka menyebarkan ilmu<br>• Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br>F7 Tahap Pendidikan :<br>• Victoria Bridge School / Raffles Institution / Raffles College / University of Cambridge.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Sumbangan beliau dalam bidang perundangan :<br>F1 Anggota Panel Pengasas Kuliyyah Undang-Undang di UIAM.<br>F2 Pengasas / Penggubal Enakmen Undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991.<br>1F x 2m = 2m</td><td>2<br>2<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>4(c) (i)</td><td>Dua sifat keperibadian Imam Syafie :<br>F1 Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum arab badwi demi menguasai kesusasteraan / kebudayaan Arab.<br>F2 Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.<br>F3 Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah / ketika berhadapan dengan Khalifah Harun al-Rasyid.<br>F4 Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana.<br>F5 Tinggi sifat warak / kuat beribadat.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Imam Syafie merupakan tokoh ilmuan yang mempunyai kesungguhan yang amat tinggi dalam menuntut ilmu sehingga beliau berjaya menjadi ahli fiqah yang disegani.<br>Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat mencontohi keunggulan tokoh ini.
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>▪ Meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.<br>▪ Berusaha mencari guru untuk mendalami ilmu.<br>▪ Bertanya guru tentang sesuatu yang sukar difahami.<br>▪ Mengaplikasikan teknik pembelajaran yang berkesan.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 5(a) (i) | **Dua adab terhadap orang sakit dari segi fizikal :**<br>F1 Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.<br>F2 Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br><br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua perkara yang perlu anda lakukan untuk menguatkan emosi pesakit :**<br>F1 Memberikan semangat dan motivasi.<br>F2 Tidak melakukan sesuatu yang boleh menganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising.<br>F3 Menziarahi pesakit dalam tempoh masa yang sesuai.<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Hikmah beradab kepada orang sakit :**<br>F1 Menggembirakan pesakit<br>H1 **agar** hatinya tenang menempuh ujian Allah SWT.<br><br>F2 Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat<br>H2 **agar** hidup diberkati Allah SWT.<br><br>F3 Melahirkan keinsafan<br>H3 **kerana** diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.<br>*mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>**TERANGKAN : 1F x 1m = 2m**<br>**1H x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>**Mak=2m** |
| (iv) | **Sakit merupakan ujian daripada Allah SWT agar kita mengakui Allah SWT sebagai tempat bergantung.**<br>**Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.**<br><br>(see descriptor table below)<br><br>Cadangan isi :<br>• Hati dan jiwa kita akan menjadi tenang.<br>• Memperkukuhkan iman kita kepada Allah SWT.<br>• Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan.<br>• Manusia memerlukan pertolongan Allah SWT dalam setiap aspek kehidupan. | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 5(b) (i) | **Maksud istiqamah :** | |
| | Ketaatan yang berterusan /[1m] dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya. /[1m] | 1<br>1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (ii) | **Dua contoh istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah :** | |
| | F1 Rasulullah SAW **tetap** berdakwah menyebarkan agama Islam **walaupun** menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman. | 2 |
| | F2 Sifat ketegasan baginda yang **tidak meninggalkan** usaha dakwah **walaupun** diganti dengan kesenangan dunia. | 2 |
| | **2F x 2m = 2m** | **Mak=4m** |
| (iii) | **Dua hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan :** | |
| | F1 Menzahirkan individu yang berakhlak mulia<br>H1 **kerana** melaksanakan kebaikan secara berterusan. | 1<br>1 |
| | F2 Membentuk insan yang teguh pendirian<br>H2 **kerana** mempertahankan kebenaran. | 1<br>1 |
| | F3 Memperkukuh jati diri dengan sifat sabar / tidak berputus asa<br>H3 **untuk** mencapai kejayaan. | 1<br>1 |
| | F4 Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa<br>H4 **demi** mempertahankan Islam. | 1<br>1 |
| | F5 Membangunkan ekonomi<br>H5 **kerana** komitmen semua pihak membangunkan negara. | 1<br>1 |
| | F6 Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat<br>H6 **kerana** sentiasa menjaga kepentingan bersama. | 1<br>1 |
| | *mana-mana jawapan munasabah diterima. | |
| | **TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | **Mak=4m** |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**